



MAKLUMBALAS AKHBAR

"KEMENTERIAN DIGESA ATASI PENCEROBOHAN PUKAT APOLLO"

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) ingin memberi maklumbalas menerusi artikel *Sinar Online* pada 22 Jun 2018 (Jumaat) bertajuk 'Kementerian digesa atasi pencerobohan pukat Apollo' aduan ADUN Sungai Acheh, Zulkifli Ibrahim dan Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), SM Mohamed Idris.

DOF amat menghargai keperihatinan terhadap kepentingan menjaga kemampunan sumber perikanan untuk keperluan makanan Negara.

Pandangan DOF terhadap gesaan tersebut adalah seperti berikut :

1. Pencerobohan vesel menangkap ikan menggunakan perkakas kenka dua bot yang diubahsuai atau juga dikenali sebagai pukat Apollo adalah dari Daerah Kerian, Perak yang sepatutnya beroperasi di dalam kawasan khas yang telah ditetapkan koordinatnya dalam perairan negeri Perak. Terdapat lebih kurang 250 pasang vesel pukat kenka yang masih beroperasi.
2. Namun begitu, vesel-vesel tersebut telah menceroboh di perairan negeri Pulau Pinang sehingga ke zon A malahan sehingga sampai berhampiran ke sangkar-sangkar ternakan ikan.
3. DOF juga telah melancarkan Program Gegar Kenka 2 Bot bagi membentasi aktiviti pencerobohan pukat Apollo. Menerusi program ini adalah menjadi harapan agar pencerobohan bot pukat

Apollo dapat dibendung yang mengakibatkan pendapatan nelayan setempat terjejas.

4. Hasil dari operasi penguatkuasaan pada tahun 2015-2017 mencatatkan sebanyak 36 kes tangkapan telah dibuat yang melibatkan bot-bot pukut Apollo yang dijalankan secara operasi bersepadu bersama Pasukan Polis Marin PDRM (PPM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) diterajui oleh Jabatan Perikanan Malaysia (DOF). Kesemua kes telah didakwa di bawah Akta Perikanan 1985.

5. Di samping itu juga, DOF sentiasa menjalankan aktiviti-aktiviti rondaan serta program berunsurkan CBFM (pengurusan perikanan berasaskan masyarakat) bagi membendung masalah berkenaan dengan memberi fahaman kepada nelayan pentingnya pengurusan sumber perikanan.

6. DOF juga telah mengeluarkan pekeliling bagi penghapusan pukut kenka dua bot secara berperingkat menerusi langkah-langkah kawalan sehingga tahun 2020.

7. Selain itu, pelbagai inisiatif lain telah diambil oleh DOF untuk mencegah pencerobohan pukut Apollo di perairan Pulau Pinang dari terus berlaku. Pihak DOF telah menjalankan operasi rondaan bersama secara berkala bagi tujuan pemantauan, siasatan dan juga risikan di perairan negeri tersebut.

8. DOF akan mempergiatkan program siri taklimat/penerangan/seminar dan perbincangan bersama nelayan mengenai kesedaran menjaga sumber perikanan Negara dan menekankan tentang pentingnya pematuhan terhadap Akta Perikanan 1985 dan peranan setiap pihak yang berkepentingan dalam pengurusan sumber.

9. Tindakan yang lebih keras akan diambil ke atas vesel-vesel pukat Apollo yang melakukan kesalahan termasuk penggantungan lesen dan juga tidak memperbaharui/membatalkan lesen.

10. Tanggungjawab dalam pengurusan sumber dan pemuliharaan sumber perikanan Negara hendaklah digalas bersama oleh setiap lapisan masyarakat. DOF mengalu-alukan sebarang penglibatan dan cadangan penambahbaikan daripada mana-mana pihak terutamanya badan-badan kerajaan, NGO atau syarikat korporat.

11. DOF menyeru semua pengusaha perikanan dan nelayan supaya memikul tanggung jawab bersama untuk sentiasa mematuhi syarat-syarat lesen, peraturan-peraturan perikanan di bawah Akta Perikanan 1985 bagi memastikan sumber perikanan yang mampan untuk menjamin sumber bekalan makanan pada masa akan datang.

12. Orang ramai khasnya para nelayan disaran agar menyalurkan maklumat-maklumat secara bertulis atau bergambar mengenai kegiatan yang menyalahi Akta Perikanan 1985 ke hotline FISHCOM 24 jam di talian 03-8888 5019 (telefon & SMS) dan 03-8870 4058 (telefon) atau melaporkan kepada Pejabat Perikanan Negeri dan Pejabat Perikanan Daerah yang berhampiran bagi tindakan susulan.

####

DATO' HAJI MUNIR BIN MOHD NAWI
Ketua Pengarah
Jabatan Perikanan Malaysia
PUTRAJAYA

23 Jun 2018 (Sabtu), jam 12.45 tengahari